Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda

MIMBAR NAKHODA منبر نقهودا

BIL: 7/ 8 SYA`BAN 1435H / 6 JUN 2014 PERCUMA UNTUK AHLI JEMAAH MASJID

SABAR MENGHADAPI BALA DAN KESUKARAN

Hadhrat Sayyidina ‘Ali Ibni Abi Thalib Radhiyallahu ‘Anhu berkata:


لَمَّا نَزَلَتْ هَذِهِ الاَيَةُ خَرَجَ عَلَيْنَا رَسُولَ اللَّهِ وَقَالَ قَدْ أُنْزِلَتْ عَلَىَّ اَيَةً هِيَ جَيْرٌ لأُمَّتِى مِنَ الدُّنْيَا وَمَا فِيْهَا ثُمَّ قَرَأَ هَذِهِ الاَيَةَ: مَنْ يَعْمَلْ سُوْءًا يُجْزَبِهِ. ثُمَّ قَالَ: اِنَّ العَبْدَ اِذَا أَذْنَبَ ذَنْبًا فَتصِيْبُهُ شِدَّةٌ اَوْ بَلاَءٌ فِى الدُّنْيَا فَاللَّهُ أَكرَمُ مِنْ أَنْ يُعَذِّبُهُ ثَانيًا.

Ketika ayat ini turun maka Nabi Shallallahu ‘Alaihi Wasallam. keluar dan bersabda: “*Qad Unzilat `Alayya Hiya Khairun Liummati Minad Dunia Wamaa Fiha*, Telah turun kepadaku ayat yang bagi Ummatku lebih baik dari mendapat Dunia seisinya.” Lalu Nabi Shallallahu ‘Alaihi Wasallam membaca: “*Man Ya`Mal Suu`An Yujza Bihi*, Siapa berbuat dosa akan dibalas dengannya.” Kemudian Nabi Shallallahu ‘Alaihi Wasallam bersabda: “*Inna Abda Idza Adz Naba Dzanban Fatushibuhu Syiddatun Au Balaa`Un Fiddunia, Fallahi Akramu Min An Yu`Adzdzibahu Tsaaniyan*, Sesungguhnya seorang hamba jika berbuat dosa, lalu menderita bala di Dunia, maka Allah tidak akan menyeksanya dua kali,” yakni kemurahan Allah tidak akan menyeksa hambaNya dua kali.

PENGAJARAN HADITS

Abul-Laits Rahmatullah ‘Alaih berkata: “Seorang tidak akan dapat mencapai tingkat orang-orang yang baik kecuali dengan sabar atas penderitaan kesukaran dan gangguan, dan Allah menyuruh Nabi Shallallahu ‘Alaihi Wasallam bersabar: “*Fashbir Kamaa Shabara Ulul-Azmi Minar-Rasul*, Sabarlah sebagaimana telah sabar Para Rasul Ulul-Azmi yang bersemangat besar.”







اَللّهُمَّ إِنَّا نَجْعَلُكَ فِي نُحُوْرِ أَعْدَاءِنَا،

وَنَعُوْذُبِكَ مِنْ شُرُوْرِهِمْ،





اَللَّهُمَّ بَدِّدْ شَمْلَهُمْ وَفَرِّقْ جَمْعَهُمْ،

وَشَتِّتْ كَلِمَتَهُمْ وَزَلْزِلْ أَقْدَامَهُمْ،

وَسَلِّطْ عَلَيْهِمْ كَلْبًا مِنْ كِلاَبِكَ،

يَا قَهَّارُ يَا جَبَّارُ يَامُنْتَقِيْمُ يَا اَللهُ، يَا اَللهُ، يَا اَللهُ،

اَللَّهُمَّ يَا مُنْزِلَ الْكِتَبِ وَيَا مُجْرِيَ السَّحَابِ وَيَا هَازِمَ الأَحْزَبِ،

إِهْزِمْهُمْ وَانْصُرْنَا عَلَيْهِمْ, إِهْزِمْهُمْ وَانْصُرْنَا عَلَيْهِمْ, إِهْزِمْهُمْ وَانْصُرْنَا عَلَيْهِمْ،

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَبَارِكَ وَسَلَّمَ،

وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ.

Wahai Tuhan Kami,
Sesungguhnya Kami MenjadikanMu Sebagai Pendinding Kami,
Dan Kami Berlindung DenganMu Daripada Kejahatan Mereka,
Ya Allah Leburkanlah** Kumpulan **Mereka,
Dan Kacau-Bilaukanlah Persatuan Mereka,
Cerai-Beraikanlah Pakatan Mereka,
Dan Goncangkanlah Pendirian Mereka,
Wahai Tuhan Yang Maha Perkasa,
Wahai Tuhan Yang Maha Berani,
Wahai Tuhan Yang Bershifat Murka,
Wahai Allah, Wahai Allah, Wahai Allah,
Wahai Tuhan Yang Menurunkan Al-Quran,
Wahai Tuhan Yang Menggerakkan Awan,
Wahai Tuhan Yang Menewaskan Bala Tentera Ahzab,
Kalahkanlah Mereka Dan Menangkanlah Kami Ke Atas Mereka,





Mimbar Nakhoda ini diterbitkan secara mingguanoleh Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda, Jalan Nakhoda Tengah, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan dengan kerjasama Naqsyabandi Akademi Quran Sunnah Hadits, Madrasah Ulul Azmi, Kg. Sepakat Wira Damai, Batu Caves. Cetakan adalah terhad, maka digalakkan untuk difotostat dan diedarkan kepada orang lain, semoga Allah memberkati dan memberikan pahala yang berterusan, Amin.

Ketua Editor: Ust. Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi
Penolong Editor: Sdr. Muhammad Taufiq

KETETAPAN TAQDIR ALLAH

Dan wajib ke atas seorang hamba mengetahui bahawa sesungguhnya Allah adalah mendahului `Ilmu PengetahuanNya pada setiap kelakuan yang berlaku dari kalangan makhlukNya. Maka Dia telah mentaqdirkan yang demikian itu sebagai Taqdir yang Muhkam teguh dan Mubram kuat, tidak ada yang dapat membatalkan pada TaqdirNya, dan tiada yang dapat menghalang, dan tiada yang dapat menghilangkan, dan tiada yang dapat mengubah, dan tiada yang boleh mengurangkan atau menambahkan dari kalangan makhlukNya yang berada di setiap lapisan langitNya dan bumiNya. Dan demikian itu adalah sebahagian dari ikatan kepercayaan Iman, dan Ushul tunjang pengenalan Ma`rifah dan pengiktirafan pengakuan terhadap Tauhid Keesaan Allah dan Rububiyyah KetuhananNya. Maka kecelakaanlah bagi sesiapa yang melawan terhadap Allah Ta`ala dalam masalah Taqdir dan hadir untuk memerhatikannya dengan hati yang tidak sihat, sesungguhnya dia telah mencari dengan sangkaan wahamnya pada mengkaji perkara-perkara ghaib yang menjadi rahsia tersembunyi, dan dengan sebab apa yang telah dikatakannya maka dia menjadi orang yang berdusta dan berdosa.

[Al-`Aqidah Ath-Thahawiyyah]

IMAM ABU HANIFAH

TOKOH ISLAM

Nama sebenar beliau ialah Nu`man bin Tsabit bin Zuthi`. Dilahirkn pada tahun 80H (699M) di Kufah,Iraq sebuah bandar yang memang terkenal sebagai pusat ilmu ketika itu. Beliau dikenali sebagai Abu Hanifah kerana salah seorang anaknya bernama Hanifah. Ia juga kerana beliau sentiasa membawa ke mana saja tinta pena untuk mencatat ilmu. Hanifah juga bermaksud cenderung kepada Agama.

Beliau seorang yan berakhlak mulia, pemurah, ikhlas, berani, suka memberi nasihat, rajin berusaha dan bercita-cita tinggi.. Melihatkan kepintaran dan kecerdasan luar biasa yang terpendam dalam diri beliau, Gurunya Al-Sya'bi menasihatkan beliau agar lebih banyak mencurahkan usaha ke dalam bidang ilmu-ilmu Islam. Dengan nasihat dan dorongan Al-Sya'bi, beliau mula menceburkan diri secara khusus mempelajari ilmu-ilmu Islam. dengan mendalami ilmu-ilmu Qiraat, ilmu bahasa Arab, ilmu Kalam dan lain-lain. Akan tetapi bidang ilmu yang paling diminatinya ialah ilmu Hadits dan Fiqh. Menurut riwayat, jumlah gurunya di Kufah sahaja berjumlah 93 orang dan tidak hanya berpuas hati dengan pembelajarannya di Kufah dan Basrah. Beliau kemudiannya turun ke Mekah dan Madinah untuk menuntut ilmu.

Kebijaksanaan beliau dalam ilmu-ilmu Hadits dah Fiqh diiktiraf ramai sehingga beliau diminta untuk menjadi tokoh Agama bagi menggantikan kedudukan gurunya yang telah meninggal dunia pada tahun 120H/38M. Sejak itulah beliau menjadi tokoh besar terbaru dalam Dunia Islam. Ramai orang dari serata pelusuk dunia datang untuk belajar dengannya.

Kemahsyuran beliau dalam bidang keilmuan dan keperibadian yang tinggi, beliau beberapa kali diminta untuk menjawat kedudukan sebagai Qadhi Kerajaan. Keengganan beliau menyebabkan beliau dihantar ke penjara. Namun itu tidak mematahkan semangat beliau untuk terus mengajar sehingga orang ramai mula mengerumuni penjara untuk belajar dengan beliau. Hal itu menyebabkan suatu rancangan untuk membunuh beliau oleh pemerintah ketika itu yang merasakan kedudukannya mula tergugat.

Akhirnya Imam Abu Hanifah meninggal dunia pada bulan Rejab 150H/767M ketika di dalam penjara disebabkan termakan makanan yang diracuni orang. Dalam riwayat lain disebutkan bahawa beliau dipukul dalam penjara sehingga mati. Kematian tokoh ilmuan Islam ini dirasai oleh Dunia Islam. Solat jenazahnya dilangsungkan 6 kali, setiap kalinya didirikan oleh hampir 50,000 orang jamaah. Imam Abu Hanifah mempunyai beberapa orang murid yang ketokohan mereka membolehkan ajarannya diteruskan kepada masyarakat. Antara anak-anak murid Abu Hanifah yang ulung ialah Imam Zufar (158H/775M), Imam Abu Yusuf (182H/798M) dan Imam Muhammad bin Hasan Al-Syaibani (189H/805M).

Berbekalkan kebolehan beliau menghuraikan hukum-hukum Fiqah dan beliau telah menyusunnya sehingga menjadi bab-bab seperti sekarang dan telah menyusun kitab "Al-Faraid" (harta pusaka) dengan lengkap. Antara hasil-hasil peninggalan beliau yang mahsyur termasuklah Al-Fiqh Al-Akbar, Al-'Alim Wal-Muta'alim' dan Masnad.

Selepas meninggal dunia, fahaman Mazhab Hanafi terus berkembang dengan pesat hingga ke Mesir, Syria, India, Pakistan dan sebahagian daripada Negara Asia Tengah dan masih menjadi pegangan bagi Ummat Islam sehingga sekarang.

بولن شعبان

رسول الله صلى الله عليه وسلم تله برسبدا يغ برمقصود:

"تاهوكه كامو سكالين مڠاڤ دنماكن دڠن بولن شعبان؟" ڤارا صحابة منجواب، "الله دان رسولڽ لبيه مڠتاهوئي" رسول الله صلى الله عليه وسلم منجواب، "كران دالم بولن ايت بركمبڠله كباءيكن يغ باڽق سكالي." بولن شعبان مروڤاكن بولن كدوا سلڤس رجب يغ ڤنوه دڠن كبركاتن. بولن شعبان داڠڬڤ مروڤاكن بولن يغ باءيك انتوق كيت ممينتا كأمڤونن درڤد الله سرت ممڤربأيكي ديري دري سڬل ماچم چلا دان برسديا انتوق بولن رمضان يغ ميوچي دان ممبرسيهكن جيوا كيت. شعبان ممباوا مقصود برڤچه-ڤچه، اد يغ برڤنداڤت اين كران ڤد كتيك ايت بڠسا قريش ترڤكسا برڤچه-ڤچه كڤد بيراڤ كمڤولن انتوق منچاري ائير دڤادڠ ڤاسير. اد ڤول يغ برڤنداڤت اي ممباوا مقصود ڤميسه كران شعبان اداله ڤميسه انتارا بولن رجب دڠن بولن رمضان. انتارا كلابيهن بولن شعبان اياله ترداڤت ساتو مالم يغ ڤنوه رحمة يأيت مالم نصف شعبان. ڤد مالم 15 شعبان اين، دكتاكن دعاء منجادي ساڠة مستجاب. ڤد بولن اين دڬالقكن كيت برڤواس سنت كران رسول الله صلى الله عليه وسلم سنديري لبيه كمر برڤواس سنت دبولن شعبان. برڠسياڤ يغ برڤواس سبولن ڤد بولن شعبان، دڤرمودهكن الله كڤدڽ سكرة الموت، دلڤسكن ككلڤن دالم قبور، دلڤسكن درڤد هورو-هارا منكر دان نكير، دتوتوڤ كعيبنڽ دأخيرة نندي دان دواجبكن شرڬا باڬيڽ. كيت جوڬا دڬالقكن ممڤرباڽقكن عبادة سنت يغ لائين سڤرت ممڤربڽقكن ذكر دان صلوات كأتس نبى دان ممڤرباڽقكن برتوبت كران دڠن ممڤرباڽقكن عمالن-عمالن يغ بائيك ددالم بولن شعبان اين، باڽق فضيلة دان كلبيهن يغ دجنجيكن الله كڤد همباڽ يغ برعمل صالح. إن شاء الله.

FADHILAT BERSEDEKAH

Ikrimah dari Ibnu 'Abbas Radhiyallahu 'Anhu berkata: "Dua dari Syaitan dan dua dari Allah Ta`ala, kemudian membaca ayat:

ٱلشَّيۡطَٰنُ يَعِدُكُمُ ٱلۡفَقۡرَ وَيَأۡمُرُكُم بِٱلۡفَحۡشَآءِۖ وَٱللَّهُ يَعِدُكُم مَّغۡفِرَةٗ مِّنۡهُ وَفَضۡلٗاۗ وَٱللَّهُ وَٰسِعٌ عَلِيمٞ ۝

"Syaitan mengancam kamu dengan kemiskinan dan menganjurkan kamu berbuat keji dan kejahatan. Sedangkan Allah menjanjikan kepadamu pengampunan dan kurnia. Yakni menyuruh kamu taat dan sedekah untuk mencapai pengampunan dan kurniaNya, dan Allah luas KurniaNya dan mengetahui amal HambaNya." (Al-Baqarah: 268)

Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda:

"حَصِنُّوْا اَمْوَالَكُمْ بِالزَّكَاةِ وَدَاوُوْا مَرْضَاكُمْ بِالصَّدَقَةِ وَاسْتَقْبِلُوْا أَنْوَاعَ البَلاَءِ بِالدُّعَاءِ"

"Jagalah harta kekayaanmu dengan mengeluarkan zakat, dan ubatilah orang-orang sakit dengan bersedekah, dan hadapilah berbagai macam balak itu dengan berdoa."